




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

02 JULAI 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **230 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **69,907 kes**. Lima (5) kes kematian direkodkan hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Lahad Datu manakala Kunak, Sandakan dan Kudat masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 165 menjadikan jumlah kumulatif 67,609 orang. Seramai 1,619 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 392 orang di hospital, 1085 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 142 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 55 orang dan 17 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan bertukar dari zon jingga ke zon kuning manakala daerah Pitas berubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 18 daerah
- Zon Jingga sifar (0) daerah
- Zon Kuning tujuh (8) daerah
- Zon Hijau satu (1) daerah

5 Analisa Harian Catatan Kes COVID-19 Negeri Sabah

- Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah 230 iaitu penurunan dua (2) kes berbanding 232 kes semalam (01 Julai 2021).

Daripada jumlah kes tersebut:

- 96 kes adalah daripada saringan kontak rapat
- 49 kes adalah daripada saringan kluster

- 16 kes adalah daripada saringan bergejala
 - 62 kes daripada saringan bersasar
 - 7 kes adalah daripada lain-lain kes.
- ii Sembilan (9) daerah mencatatkan penurunan kes dengan tiga (3) daerah mencatatkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Tawau (-18), Sandakan (-17) dan Putatan (-11).
 - iii Sembilan (9) daerah mencatatkan peningkatan kes dengan dua (2) daerah mencatatkan peningkatan pada julat dua (2) angka iaitu Kudat 69 kes (+35) dan Kota Belud 28 kes (+17).
 - iv 12 daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Telupid, Kinabatangan, Kunak, Tongod, Ranau, Tuaran, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom, Nabawan dan Tambunan.
 - v Catatan kes yang agak tinggi di Sabah dipengaruhi oleh saringan bersasar oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah yang dilakukan di lokaliti yang dikenakan PKPD (Kampung Landung Ayang) di Daerah Kudat yang mencatatkan 60 kes.
 - vi Daerah Pitas pada hari ini mencatatkan 22 kes hasil daripada saringan Kluster baharu iaitu Kluster Tanjung Pitas yang sehingga kini mencatatkan kumulatif sebanyak 43 kes positif seterusnya menyebabkan daerah Pitas berubah dari zon jingga kepada zon merah.
 - vii Daerah Kota Kinabalu merekodkan jumlah kes yang lebih baik pada hari ini iaitu 16 kes berbanding 25 kes pada 01 Julai 2021 dan 99 kes pada 30 Jun 2021 dengan penurunan sebanyak (-9) kes, 16 kes yang direkodkan berpunca daripada saringan lima (5) Kluster Muhibbah Manggatal, satu (1) Kluster Tanjung Aru Baru, tiga (3) kes daripada Saringan Kontak Rapat dan (7) kes daripada Saringan Bergejala.
 - viii Setakat ini, Daerah Zon Hijau hanya tinggal satu (1), dan dengan jumlah catatan sebanyak (96) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

xi Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Tanjung Pitas - Pitas melibatkan penularan dalam komuniti nelayan di Mukim Mapan-Mapan, Daerah Pitas. Kluster ini mula direkodkan di Hospital Pitas melalui saringan bergejala terhadap kes indeks, suri rumah, 26, dari Kg Naruntung pada 27 Jun 2021 yang positif RTK-Ag. Berikutan kes itu, Pejabat Kesihatan Daerah Pitas kemudian menerima 20 lagi kes positif RTK-Ag hasil saringan kontak yang dijalankan. Jumlah tersebut termasuk tiga (3) kes positif daripada Makmal Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) Pitas hasil saringan kontak serumah pada 28 Jun 2021 dan salah seorangnya adalah suami kepada kes indeks yang bekerja sebagai nelayan dan menjual ikan di Kg Taritipan Kota Marudu. Turut dikesan, satu (1) kes hasil saringan komuniti di Kg Naruntung pada 29 Jun 2021 dan 16 kes PCR positif dalam kalangan penduduk Kg Naruntung pada 30 Jun 2021. Jumlah kumulatif bagi kluster ini ialah 43 kes setelah 22 kes baharu dicatatkan pada 01 Julai 2021. Berdasarkan siasatan, terdapat dua kemungkinan yang menjadi punca jangkitan iaitu pergerakan penduduk kampung ke Pulau Banggi, Kudat sepanjang bulan Mei serta Jun dan pergerakan peraih ikan di Kg Naruntung yang menjual ikan di kawasan Pitas dan Kota Marudu. Pengesanan kontak rapat bagi ahli keluarga kes positif masih aktif dijalankan hingga sekarang.

7 Jumlah kapasiti katil 3,998 unit

- Hospital 706 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,072 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 220 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 40.50%.

B PKPD 2 LOKALITI DI KOTA BELUD

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Kota Belud yang melibatkan:
 - Kampung Siasai Dundau
 - Kampung Pantai Emas
- 2 Sebanyak lapan (8) kes telah direkodkan di Kampung Siasai Dundau selepas 15 individu disaring manakala di Kampung Pantai Emas, seramai 73 orang disaring dan 10 kes dilaporkan.
- 3 KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di kedua-dua lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua (2) lokaliti di Kota Belud berkuat kuasa 04 Julai sehingga 17 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

C PKPD KAMPUNG NARUNTUNG, PITAS

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Naruntung, Pitas.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 86 ujian saringan dan 21 daripadanya dikesan positif COVID-19.
- 3 KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di kedua-dua lokaliti tersebut.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Naruntung, Pitas, Sabah, berkuat kuasa 04 Julai sehingga 17 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

D PKPD KAMPUNG IBAN KUALA NANSANG, TAWAU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Iban Kuala Nansang, Tawau.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 14 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya dikesan positif COVID-19.
- 3 KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di kedua-dua lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Iban Kuala Nansang, Tawau berkuat kuasa 04 Julai sehingga 17 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

E PKPD KAMPUNG BABAGON, PENAMPANG

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Babagon, Penampang.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 40 ujian saringan dan 11 daripadanya dikesan positif COVID-19.

- 3 KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolejangkitan yang tinggi di kedua-dua lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Babagon, Penampang berkuat kuasa 04 Julai sehingga 17 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

F PELANJUTAN PKPD KAMPUNG GUSI KINARUT, PAPAR

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Gusi Kinarut, Papar yang dijadualkan tamat pada 03 Julai 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 700 ujian saringan dan 155 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mendapati penularan masih berlaku dalam komuniti serta terdapat kes baharu di rekodkan di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Gusi Kinarut, Papar bermula 04 Julai sehingga 17 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

G PENAMATAN PKPD KAWASAN SEMARAK, TAWAU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kawasan Semarak, Tawau yang dijadualkan tamat pada 02 Julai 2021.
- 2 Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 503 ujian saringan dan 119 daripadanya disahkan positif COVID-19.

- 3 Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kawasan Semarak, Tawau pada 02 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

H PENAMATAN PKPD PPRT KAMPUNG PASIR PUTIH, PUTATAN

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Pasir Putih, Putatan yang dijadualkan tamat pada 03 Julai 2021.
- 2 Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 91 ujian saringan dan lapan (8) daripadanya dikesan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mendapati, terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di PPRT Kampung Pasir Putih, Putatan pada 03 Julai 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

I PENAMATAN AWAL PKPD KAMPUNG SKIM PAMALAN, KENINGAU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Skim Pamalan, Keningau yang dijadualkan tamat pada 05 Julai 2021.
- 2 Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 769 ujian saringan dan 32 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Skim Pamalan, Keningau pada 03 Julai 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

J SOP BAGI 2 PKPD DI SABAH

- i SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKP) di Kg Landung Ayang, Kudat adalah seperti di **LAMPIRAN A.**
- ii SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKP) di Taman Public, Kota Kinabalu adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

K STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 63,052 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **335** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 55,894 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **3,545** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 327,160 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **7,088** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 143,626 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 4,282 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 895,296 (mysejahtera 819,031 : laman web 75,972 : talian vaksinasi 293) bersamaan 31.2%.

L BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **283,687** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

M LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 126 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 52,245 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 232 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 75 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 40 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Empat (4) orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
 - Dua (2) orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - 21 orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Satu (1) orang : Premis gagal memastikan kapasiti kehadiran pekerja yang ditetapkan.
 - Satu (1) orang : Premis gagal Mematuhi Masa Operasi Yang Ditetapkan
 - 10 orang : Tidak Mematuhi arahan Kawalan Pergerakan
 - Satu (1) orang : Lain-lain kesalahan.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 93 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 34 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,358 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- ii Sebanyak enam (6) notis/amaran dikeluarkan iaitu tiga (3) di daerah Ranau, dua (2) di daerah Kinabatangan dan satu (1) di daerah Penampang.
- iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 116 premis perniagaan dan 124 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis. Seramai 60 anggota terlibat dengan tugas-tugas khas menghantar Bantuan Bakul Makanan 3.0 bagi kategori penerima e-Kasih dan B40 serta bakul makanan di kawasan PKPD Pondo Pulau Gaya.

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 140 Premis Perniagaan melibatkan 142 anggota APM. Sebanyak 13 Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.

6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 75 anggota di 96 lokasi.

7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan enam (6) buah daerah pada hari ini.

8 Sejumlah 239 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.

9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 110 hebahan di seluruh Sabah.

N KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **95.5%**.
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96%
2	Keningau	96%
3	Beluran	96%
4	Sipitang	96%
5	Kota Marudu	96%
6	Kunak	96%
7	Papar	96%
8	Ranau	96%
9	Tenom	96%
10	Tuaran	95.5%
11	Beaufort	95.5%
12	Kota Kinabalu	95%
13	Sandakan	95%
14	Kudat	95%
15	Penampang	95%
16	Kota Belud	95%
17	Kinabatangan	95%
18	Lahad Datu	95%
19	Tawau	94.5%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

Dikemaskini pada 1 Julai 2021

SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG LANDUNG AYANG, KUDAT, SABAH

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	• Seluruh Kawasan Kg Landung Ayang, Kudat, Sabah.
Tempoh Berkuatkuasa	• 2 Julai 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 15 Julai 2021 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	• PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. • Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.

1

Dikemaskini pada 1 Julai 2021

SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG LANDUNG AYANG, KUDAT, SABAH

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas									
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	- Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. - Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. - Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali:<table><tr><th>Bil.</th><th>Premis Perniagaan</th><th>Masa Beroperasi</th></tr><tr><td>1.</td><td>Kedai Runcit / Mini Market</td><td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td></tr><tr><td>2.</td><td>Pasar / Pasar bergerak</td><td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td></tr></table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi								
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang								
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja								

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG LANDUNG AYANG, KUDAT, SABAH

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa

24 Jam


Waktu Aktiviti
DibenarkanSeperti ketetapan
dalam penerangan ringkasPergerakan
PendudukDibenarkan dengan
bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	• Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan: a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan b) membeli keperluan asas. • Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM. • Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM. • Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkebumian adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD. • Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini. • Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan. • KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat. • Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.

LAMPIRAN B


Dikemaskini pada 1 Julai 2021



Aktiviti dibenarkan - Mendapatkan bekalan makanan. - Mendapatkan rawatan kesihatan. Aktiviti tidak dibenarkan - Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. - Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Arahan tetap - Subseksyen 11 (3) Akta 342 - Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. - Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. - Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.	Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat								
AKTIVITI DAN PROTOKOL														
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tindakan</th><th>Penerangan Ringkas</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kawasan yang Terlibat</td><td> - Seluruh Kawasan Taman Public, Kota Kinabalu, Sabah. </td></tr> <tr> <td>Tempoh Berkuatkuasa</td><td> 2 Julai 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 15 Julai 2021 (11.59 malam) </td></tr> <tr> <td>Kawalan Pergerakan</td><td> - PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. - Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. </td></tr> </tbody> </table>							Tindakan	Penerangan Ringkas	Kawasan yang Terlibat	Seluruh Kawasan Taman Public, Kota Kinabalu, Sabah.	Tempoh Berkuatkuasa	2 Julai 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 15 Julai 2021 (11.59 malam)	Kawalan Pergerakan	- PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. - Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.
Tindakan	Penerangan Ringkas													
Kawasan yang Terlibat	Seluruh Kawasan Taman Public, Kota Kinabalu, Sabah.													
Tempoh Berkuatkuasa	2 Julai 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 15 Julai 2021 (11.59 malam)													
Kawalan Pergerakan	- PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. - Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.													

1

Dikemaskini pada 1 Julai 2021



Aktiviti dibenarkan - Mendapatkan bekalan makanan. - Mendapatkan rawatan kesihatan. Aktiviti tidak dibenarkan - Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. - Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Arahan tetap - Subseksyen 11 (3) Akta 342 - Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. - Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. - Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.	Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat													
AKTIVITI DAN PROTOKOL																			
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tindakan</th><th>Penerangan Ringkas</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Aktiviti di dalam Kawasan PKPD</td><td> - Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. - Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. - Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th><th>Premis Perniagaan</th><th>Masa Beroperasi</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Kedai Runcit / Mini Market</td><td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Pasar / Pasar bergerak</td><td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td></tr> </tbody> </table> </td></tr> </tbody> </table>							Tindakan	Penerangan Ringkas	Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	- Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. - Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. - Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th><th>Premis Perniagaan</th><th>Masa Beroperasi</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Kedai Runcit / Mini Market</td><td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Pasar / Pasar bergerak</td><td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td></tr> </tbody> </table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja
Tindakan	Penerangan Ringkas																		
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	- Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. - Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. - Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th><th>Premis Perniagaan</th><th>Masa Beroperasi</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td><td>Kedai Runcit / Mini Market</td><td>6.00 pagi hingga 6.00 petang</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Pasar / Pasar bergerak</td><td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td></tr> </tbody> </table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja									
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi																	
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 6.00 petang																	
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja																	

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TAMAN PUBLIC, KOTA KINABALU, SABAH

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti
DibenarkanSeperti ketetapan
dalam penerangan ringkasPergerakan
PendudukDibenarkan dengan
bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	• Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan: a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan b) membeli keperluan asas. • Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM. • Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM. • Jika berlaku kematian di rumah hendaklah dilaporkan di balai polis atau pejabat kesihatan berdekatan untuk dibawa ke kamar mayat hospital bagi tujuan pemeriksaan COVID-19, sekiranya positif maka urusan pengkebumian adalah mengikut ketetapan KKM atau JPBD. • Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini. • Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan. • KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat. • Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri.